

**KEBERKESANAN PERLAKSANAAN
PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN SARAWAK**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN
DAN PENGKOMERSILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**SHAHARUDDIN BADARUDDIN
BADRON ABDUL MANAF
FATIMAH BUJANG
NONI HARIANTI JUNAIDI**

FEBRUARI 2006

Tarikh : 1 Februari 2006

Penolong Naib Canselor
Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC)
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

Puan

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN KEBERKESANAN PERLAKSANAAN
PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI
MARA CAWANGAN SARAWAK**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk “KEBERKESANAN PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK”.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



Prof. Madya Shaharuddin Badaruddin
Ketua
Projek Penyelidikan

SENARAI ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Muka Surat Tajuk	i
Surat Penyerahan Laporan	ii
Daftar Ahli Penyelidik	iii
Penghargaan	iv
Senarai Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	xvi
Senarai Singkatan	xxii
Abstrak	xxiii

BAB 1 PENGENALAN PROJEK KHIDMAT SOSIAL NEGARA

Mukadimah	1
Objektif Kajian	2
Perlaksanaan Program Latihan Khidmat Negara	2
Daftar Kepustakaan	5
Perlaksanaan Khidmat Negara di Singapura	7
Perlaksanaan Khidmat Negara di Israel	8
Perlaksanaan Khidmat Negara di Malaysia	9
Perlaksanaan Modul Khidmat Negara	12
Pemilihan Peserta PLKN	17
Penyataan Masalah	19
Metod Kajian	20

BAB 2 PERLAKSANAAN PROGRAM KHIDMAT NEGARA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SARAWAK

Pengenalan	23
Objektif Modul Program	24
Penyelaras Program	24
Kelayakan Tenaga Pengajar	25
Peraturan Latihan Khidmat Negara	26
Aduan Dari Peserta	27
Program Tambahan	27
Peralatan	28
Mesyuarat Perlaksanaan Program	28
Kemudahan	31
Elaun	33
Kerosakan	34

ABSTRAK

Menyedari berlakunya masalah kekurangan semangat patriotik dan berlakunya gejala sosial yang semakin berkembang di kalangan remaja, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan satu Program Khidmat Negara terutamanya kepada golongan remaja yang berumur 18 tahun. Untuk itu kerajaan telah meluluskan satu Akta Khidmat Sosial Negara 2003 yang kemudiannya dilaksanakan melalui Program Latihan Khidmat Negara.

Program yang dilaksanakan di Malaysia ini mengambil pendekatan yang berbeza dari program kerahan tenaga yang diamalkan di Singapura, Israel dan negara-negara lain. Program Khidmat Negara di Malaysia menumpukan perhatian kepada 4 modul iaitu modul fizikal, ketatanegaraan, pembinaan karakter dan khidmat komuniti.

Perlaksanaan buat pertama kalinya pada pertengahan Februari 2004 ini telah menyaksikan berbagai perkara yang diluar jangkaan telah timbul, walau bagaimana pun kesemua masalah yang timbul ini telah dapat ditangani dengan baik sekali.

Kajian ini adalah berkenaan dengan Keberkesanan Perlaksanaan Program Latihan Khidmat Negara di Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak. Kajian ini menumpukan perhatian kepada perlaksanaan modul, termasuk kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada peserta PLKN oleh UiTM Cawangan Sarawak.

BAB 1

PENGENALAN PROJEK

KHIDMAT SOSIAL NEGARA

Mukadimah

Menyedari berlakunya masalah kekurangan semangat patriotik dan berlakunya gejala sosial yang semakin berkembang di kalangan remaja, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan satu Program Khidmat Negara (PKN) terutamanya kepada golongan remaja yang berumur 18 tahun. Untuk itu kerajaan telah meluluskan satu Akta Khidmat Sosial Negara 2003 yang kemudiannya dilaksanakan melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Program yang dilaksanakan di Malaysia ini mengambil pendekatan yang berbeza dari program kerahan tenaga yang diamalkan di Singapura, Israel dan negara-negara lain. Program Khidmat Negara di Malaysia menumpukan perhatian kepada 4 modul iaitu modul fizikal, ketatanegaraan, pembinaan karakter dan khidmat komuniti.

Perlaksanaan buat pertama kalinya pada pertengahan Februari 2004 ini telah menyaksikan beberapa masalah yang timbul dari sudut perancangan dan perlaksanaan dan juga penyelarasan diantara agensi-agensi yang terlibat dan juga pengurusan di peringkat lapangan. Atas dasar itulah kajian ini dicadangkan atas nama Perlaksanaan Program Khidmat Negara di Institusi Pengajian Tinggi Awam : Kajian Kes di Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak.